



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 1/2026

**LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENGURUSAN
Pemeriksaan Kesihatan**

1. Menteri Kewangan menetapkan bahawa:
 - i. Penyedia perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan hendaklah berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan di bawah kategori Perkhidmatan Pengurusan selewat-lewatnya pada 30 April 2026 dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan **mulai 1 Mei 2026**;
 - ii. Penerima perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan bagi **tempoh 1 September 2018 hingga 30 April 2026** di bawah peruntukan subseksyen 34(3)(a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
 - iii. Penyedia perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan diberi pengecualian daripada mengenakan dan memungut cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan bagi **tempoh 1 September 2018 hingga 30 April 2026** di bawah peruntukan subseksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
2. Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan bagi tempoh 1 September 2018 hingga 30 April 2026 hendaklah diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
3. Tiada bayaran balik (*refund*) cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan tersebut.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**